

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. DATO' SERI ONG KA CHUAN
[TANJONG MALIM]**

**TARIKH JAWAPAN : 16 JUN 2014 (ISNIN)
DI DEWAN RAKYAT**

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh kerajaan untuk memastikan gangguan bekalan elektrik yang melibatkan kawasan yang luas yang berlaku di beberapa negeri di Semenanjung pada bulan Mei yang lalu dapat dielakkan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Suruhanjaya Tenaga (ST) secara berterusan membuat penilaian kepada keperluan tenaga elektrik negara. Penilaian ini termasuk memastikan bahawa kapasiti semasa dan kapasiti masa depan yang dirancang dapat memenuhi permintaan tenaga elektrik. Penurunan baru-baru ini dalam kapasiti yang ada kerana gangguan tidak berjadual loji kuasa, isu-isu bekalan bahan api dan kekangan penghantaran telah menimbulkan kebimbangan mengenai keselamatan sistem bekalan elektrik negara.

2. Pihak ST juga sedang memantau secara terperinci status operasi dan penyelenggaraan berjadual setiap unit-unit penjanaan bagi mengenalpasti *common mode failure* yang boleh menjejaskan kapasiti tersedia dalam sistem. Setiap kerosakan di stesen-stesen jana kuasa dilaporkan secara terus kepada ST yang akan membuat pemeriksaan dan penilaian ke atas setiap kerosakan bagi mengenal pasti langkah-langkah penambahbaikan untuk mengelakkannya daripada berulang

lagi. Program audit terperinci ke atas sistem pengurusan operasi dan senggaraan jana kuasa-jana kuasa IPP dan TNB juga sedang dilaksanakan.

3. Bagi memastikan kejadian gangguan elektrik yang sama tidak berulang, langkah-langkah mitigasi berikut juga sedang dilaksanakan:

- (a) mengkaji semula rizab operasi dan margin rizab sebenar yang diperlukan berdasarkan situasi terkini;
- (b) menjalankan kajian-kajian sistem untuk mengenal pasti langkah-langkah mitigasi dalam pengoperasian sistem;
- (c) memperhalusi spesifikasi arang batu agar ia bersesuaian dengan rekabentuk dandang *super critical*; dan
- (d) melatih tenaga kerja yang diperlukan bagi mengoperasi unit-unit penjanaan tersebut.

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. DATO' AR. WAN MOHAMMAD KHAIR-IL ANUAR BIN WAN AHMAD
KAWASAN : KUALA KANGSAR
TARIKH : 16 JUN 2014, ISNIN

SOALAN:

YB. DATO' AR. WAN MOHAMMAD KHAIR-IL ANUAR BIN WAN AHMAD (KUALA KANGSAR) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah kewajaran pembukaan persimpangan bertol dan R&R adalah mengikut kuota dan giliran (mengikut perancangan terdahulu) sedangkan terdapat keperluan dinamik yang dapat disesuaikan dengan keperluan dan pembangunan setempat. Apakah status cadangan persimpangan bertol Menora di Kuala Kangsar menghubungkan Parit dan Sungai Siput yang sudah termasuk dalam pelan struktur daerah dan mewujudkan 1 bandar baru di luar bandar.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Pada masa kini terdapat 81 persimpangan bertingkat (interchanges) yang terdapat di sepanjang Lebuhraya Utara – Selatan (PLUS), termasuk di laluan Lebuhraya Baru Lembah Klang (NKVE), Lebuhraya Persekutuan Laluan 2 (FHR2) dan Lebuhraya Seremban-Port Dickson (SPDH). Untuk cadangan pembinaan 'interchange' PLUS yang baru pula, ia dibuat berasaskan kepada faktor bilangan trafik, pertumbuhan pembangunan setempat dan pandangan atau maklum balas daripada pihak Kerajaan Negeri.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan pembinaan persimpangan bertingkat yang di baru Menora, Perak adalah di luar daripada skop Perjanjian Konsesi PLUS. Walau bagaimanapun Kerajaan daripada semasa ke semasa sentiasa mengadakan rundingan dengan Kerajaan Negeri Perak untuk menambah baik tahap perkhidmatan Lebuhraya PLUS di negeri tersebut. Sehubungan itu, Kerajaan antara lain telah bersetuju untuk menaik taraf persimpangan bertingkat PLUS di Kuala Kangsar, iaitu melibatkan skop menaikkan taraf persimpangan bertingkat dari jenis 'half diamond' sedia ada kepada persimpangan bertingkat dari jenis "trumpet". Projek ini sedang dilaksanakan oleh pihak PLUS Berhad dan ia dijangka akan siap pada tahun 2015.

Sekian. Terima kasih.